



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 10 Ogos 2016

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 22 TAHUN 2016**


TIDAK HADIR BERTUGAS

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk

2. "Pegawai Awam Tidak Hadir Bertugas" ialah seseorang pegawai yang tidak hadir bagi apa-apa tempoh masa, pada masa dan di tempat di mana pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.
3. Pegawai awam yang tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan 23, Undang-Undang Malaysia, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Mereka ini jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman tatatertib.
4. Sekiranya seseorang pegawai itu didapati bersalah kerana tidak hadir tanpa cuti atau tanpa kebenaran, maka dia tidak berhak mendapat emolumen bagi tempoh ketidakhadirannya walaupun Jawatankuasan Tatatertib yang berkenaan tidak mengarahkan pelucutahan itu.
5. Sehubungan dengan itu, sekiranya didapati pegawai telah tidak hadir selama 3 hari berturut-turut atau berselang-seli, Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia dengan segera akan ketidakhadiran pegawai beserta dengan tarikh-tarikh dan apa-apa maklumat berkaitan ketidakhadiran berkenaan untuk tindakan UPSM selanjutnya.

Sekian dilmaklumkan. terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF'**


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k : Y.Bhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian
Ketua Unit Pentadbiran
Ketua Unit Kewangan dan Akaun